

Ternak ikan keli secara akuatrop

SH 28/07/08 PG-TK

Kejayaan projek pertama membuktikan bahawa ternakan ikan keli secara akuatrop mempunyai potensi menerima pasaran yang tinggi pada masa akan datang.

■ NURUL HUDA HUSAIN

TELAGABATIN—Penternakan ikan keli secara akuatrop melalui Projek Percubaan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dijangka lebih rancak selepas Jabatan Perikanan Negeri bersetuju menambah bilangan ikan yang akan memasuki fasa kedua selewat-lewatnya pada penghujung bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Telaga Batin, Che Hussin Che Muda berkata, kejayaan projek pertama membuktikan bahawa ternakan ikan keli secara akuatrop mempunyai potensi menerima pasaran yang tinggi pada masa akan datang.

“Kualiti ikan ternakan tersebut juga turut diakui ramai pihak dan kami kini giat merangka strategi bagi meluaskan lagi pasaran supaya lebih ramai

individu berpeluang menikmati keenakannya.

“Pihak kami juga sentiasa komited memberikan hasil ikan yang terbaik dengan sentiasa memastikan kualitinya terjamin dan mampu memuaskan hati pelanggan,” katanya.

Menurut Che Hussin lagi, selain dijual, ikan keli tersebut juga menjadi menu wajib kepada setiap tetamu yang datang ke kolam penternakan sebagai salah satu usaha mempromosikan masakan tradisional negeri ini.

“Pemilihan lokasi penternakan ikan di kawasan bangunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bertujuan memudahkan urusan pihak kami, selain memberi peluang kepada pengunjung melihat sendiri kesegaran ikan yang diternak.

“Menariknya lagi mengenai proses ternakan ikan ini kerana ia merupakan projek berkembar dengan tanaman sayur-sayuran iaitu salad.

“Air daripada takungan ikan keli digunakan untuk menyiram salad tersebut kerana ia tidak mengandungi sebarang bahan kimia dan mempunyai baja semula jadi yang dikenal sebagai akuaponik



Ternakan ikan keli secara akuatrop diyakini memberi pulangan yang lumayan.

bagi menjamin kesegaran sayur-sayuran.

“Pihak kami amat berterima kasih kepada pihak yang terlibat terutamanya UMT kerana

memilih tempat kami untuk dijadikan projek percubaan.

“Secara tidak langsung, projek juga membantu golongan berpendapatan rendah ke-

rana mereka dapat menambah pendapatan melalui hasil jualan yang diperoleh daripada ikan keli dan sayur-sayuran,” katanya.